

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dalam mencegah masalah korupsi dalam negara terutamanya dalam sektor korporat.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020. Sejak dikuatkuasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengadakan taklimat pelaksanaan inisiatif anti rasuah seksyen 17A Akta 694 kepada 186 agensi dengan penglibatan seramai 556 peserta.

Sekian, terima kasih.